

Ada pak mahu bernati senjata

**K. TERENGGANU,
Ahad**

kerasan.

Keputusan merisik peluang mendapatkan latihan oleh golongan kecil dari mereka itu dibuat di semilir yang mereka hadiri.

Datuk Musa menjelaskan jumlah mereka yang terabit bukanlah kecil seperti yang disangkakan sebelum ini.

ia meliputi lebih ramai rakyat Malaysia dari berbagai golongan masyarakat. Usaha-usaha mereka juga sedang diperhebatkan oleh kuasa luar itu untuk mempengaruhi pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan golongan profesional.

Jangan lupa

Di luar negeri pula, strategi tertentu dilaksanakan ke atas golongan pelajar yang ditemui oleh wakil kuasa berkenaan ataupun mereka yang dilatih khas dalam seelok-belok mempengaruhi pelajar.

Datuk Musa menyatakan demikian ketika merasmikan Ijtima Ulama Semalyasia Ke-3 di sini malam ini.

Memupuk perhatian dalam ucapannya kepada perpaduan, Datuk Musa mengingatkan bahawa

rakyat akan menentang sebarang percubaan revolusi untuk menubuhkan republik.

"Jangan lupa rakyat Malaysia pernah menentang habis-habisan percubaan sebuah negara tetangga untuk menjatuhkan kerajaan kita. Kalau rakyat Malaysia boleh mengganang konfrantasi, sudah pasti kita juga akan menentang sebarang percubaan revolusi."

Datuk Musa mengulangi bahawa kini wujud golongan politik yang menggunakan agama untuk menimbulkan perasatan revolusi di kalangan umum dan cuba menukarkan sistem kerajaan melalui revolusi menggunakan kekerasan.

Walhai, katanya, di negara ini kerajaan boleh diganti melalui proses pilihannya, cara-cara yang aman dan teratur. Undang-undang negara membenarkan rakyat berpolitik, memperjuangkan kejayaan institusi raja berpelembagaan melalui lulus-lulus demokrat berparlimen.

"Jalan ini bercanggah dengan kekerasan kerana ia menimbulkan perpecahan, persegok-taan dan permusuhan."

"Jika orang Melayu dan Islam berpecah-belah, buruklah pedahnya."

Datuk Musa berkata adalah satu realiti semasa bahawa perpaduan rakyat sedang diancam oleh kegiatan negara asing itu yang mengeksport revolusi Islam ke negara ini.

Oleh itu, katanya, rakyat mestilah insaf bahawa Islam adalah agama perdamaian.

"Islam tidak menyeru kepada perpecahan, permusuhan atau kebencuran."

Islam adalah agama persaudaraan serta kasih sayang. Islam juga tidak menyuruh umatnya bermasam muka, pulau merulau, khususnya dalam perkara ibadat, tuduh menuduh dengan alasan kabur atau fitnah-memfitnah sesama sendiri."

Datuk Musa menegaskan kerajaan juga tidak menyekat sesiapa di kalangan umat Islam untuk berpolitik tapi yang ditentang ialah kegiatan mempolitikkan agama Islam untuk kepentingan diri, dengan tujuan untuk memecah-belahkan umat Islam.

Menurut beliau, untuk mematahkan dakyah mereka, kerajaan menggunakan cara lembut, memujuk dan menyebarkan maklumat-maklumat sebenar.

"Tetapi kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak tegas jika perlu, sekiranya langkah secara lembut sekarang tidak dipedulikan oleh mereka."

SEGOLONGAN puak pembangkang telah membuat keputusan untuk merisik peluang mendapatkan latihan oleh golongan kecil dari sebuah negara lain bagi mewujudkan sebuah republik Islam di negara ini melalui revolusi.

Semangat revolusi ini disalurkan melalui rakyat yang mempolitikkan Islam untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat kononnya kerana pemimpin dan pimpinan negara ini bertentangan dengan apa yang dikehendaki oleh Islam. Semangat revolusi itu bertujuan untuk menghapuskan institusi raja berpelembagaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam berkata golongan itu tertarik dengan gagasan penubuhan sebuah republik di negara ini, melalui jalan kekerasan dan politik ke-

Bahan asal dari Arifin
Negara Malaysia